

## **KERTAS KERJA 2**

### **PENEROKAAN CABARAN KLIEN WANITA YANG BERMADU**

**Penulis Bersama:**

Samsiah Jayos<sup>1</sup>

Nur Atikah Mohd Yadzi<sup>2</sup>

**Institusi:**

<sup>1&2</sup> Program Kaunseling

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia  
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS),  
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

**Emel:**

<sup>1</sup>[jsamsiah@unimas.my](mailto:jsamsiah@unimas.my)

<sup>2</sup>[nuratikah92@gmail.com](mailto:nuratikah92@gmail.com)

## ABSTRAK

Kajian ini berkaitan dengan poligami tetapi dikhususkan kepada wanita Islam yang berpoligami iaitu wanita yang sedang bermadu. Jika isu poligami ini dibahaskan, ia membuatkan kaum lelaki menyenanginya, manakala wanita mencemuhnya. Melalui poligami iaitu hidup bermadu pastinya akan mengalami pelbagai cabaran bagi seorang wanita. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji cabaran yang dihadapi oleh wanita yang bermadu dalam aspek perasaan, pemikiran, kesihatan fizikal, ekonomi kewangan, dan interaksi sosial dalam keluarga poligami. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan reka bentuk kajian ini adalah reka bentuk kajian kes dengan menggunakan kaedah temu bual secara bersemuka. Sampel kajian adalah bertujuan. Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada wanita Islam yang sedang bermadu di sekitar Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Kajian ini melibatkan seorang responden yang merupakan isteri pertama sebagai kajian rintis. Seterusnya empat (4) orang responden sebenar yang terdiri daripada seorang isteri pertama, dua orang isteri kedua dan seorang isteri ketiga. Hasil kajian mendapat terdapat lima (5) sub tema jenis cabaran yang dihadapi oleh wanita bermadu. Antara jenis cabaran yang dihadapi oleh wanita bermadu adalah (1) perasaan, (2) pemikiran, (3) kesihatan, (4) ekonomi dan (5) interaksi sosial dalam keluarga poligami yang dilalui oleh wanita bermadu dalam kehidupan mereka. Secara keseluruhannya, kajian ini adalah untuk mengetahui dan memberikan sedikit sebanyak gambaran tentang cabaran yang dihadapi oleh wanita yang bermadu terhadap kaunselor dan masyarakat. Selain itu, kajian ini perlulah diperluaskan lagi pada masa akan datang agar keluarga, kaunselor dan masyarakat mendapat pemahaman yang lebih mendalam mengenai isu ini dengan harapan klien khusus seperti golongan ini dapat dibantu dengan lebih berkesan.

**Kata kunci:** Penerokaan, cabaran, klien, bermadu dan wanita.

## PENGENALAN

Musdah (2000) menyatakan secara etimologi perkataan poligami berasal dari bahasa Yunani yang merupakan gabungan dari dua perkataan. Pertama adalah *poli* dan *polus* yang bermaksud banyak dan kedua pula adalah *gamiens* dan *gamos* yang bermaksud perkahwinan. Berdasarkan gabungan tersebut, ia dapat disimpulkan bahawa poligami bermaksud perkahwinan yang banyak. Manakala “secara terminologi poligami merupakan salah satu perkahwinan yang satu pihak memiliki atau mengahwini beberapa lawan jenis dalam waktu yang sama”. Selain itu, berdasarkan Norsaadah *et al.*, (2014, ms. 176), “poligami merupakan perkahwinan antara lelaki dengan ramai wanita”. Selain itu, ada juga isteri yang sanggup untuk menerima poligami dengan alasan untuk melatih diri tidak memiliki sifat dengki, melatih kesabaran dan keikhlasan dalam berbagi kebahagiaan dengan wanita lain dan seterusnya melatih untuk hidup sihat dan bersih. Mereka turut menyatakan kesan umum yang akan terjadi kepada pihak isteri di mana suaminya melakukan perkahwinan poligami ialah akan muncul perasaan *inferior* dalam diri si isteri kerana mereka akan menyalahkan diri sendiri bahawa mereka tidak mampu untuk memenuhi keperluan suami (Idha, 2007; Rizki, 2008; Hafiz Firdaus 2012 & Irfan, 2014).

## TEORI

Teori pemasatan (PCT) klien merupakan teori utama yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Teori ini dijadikan asas kepada penyediaan instrumen bagi kajian ini. Melalui penggunaan teori ini, pengkaji dapat menerima maklumat-maklumat daripada responden dengan baik dan seterusnya membuat kajian mengenai cabaran-cabaran yang